



Sesungguhnya Allah mencintai keringanan-Nya diamalkan, sebagaimana Dia mencintai kewajipan- Nya dilaksanakan

Daripada Ibnu 'Abbas رضي الله عنهما, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:
"Sesungguhnya Allah mencintai keringanan-Nya diamalkan, sebagaimana Dia mencintai
kewajipan-Nya dilaksanakan."

[صحيح] [رواه ابن حبان]

Nabi ﷺ memberitahu bahawa Allah menyukai rukhsah-rukhsah yang telah disyariatkan-Nya
diamalkan, yang berupa keringanan dalam hukum-hakam dan ibadah, dan kemudahan
kepada mukalaf yang mempunyai keuzuran—seperti memendekkan solat dan
menjamakkannya ketika musafir—, Sebagaimana Dia juga menyukai agar `azimah`-Nya,
iaitu perkara-perkara yang wajib, dilaksanakan; kerana perintah Allah dalam perkara rukhsah
dan azimah adalah satu.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65017>

